

**PENGARUH PENGUASAAN JAWI DAN  
KURIKULUMNYA TERHADAP PROSES  
PENGAJARAN JAWI DI SEKOLAH RENDAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**ROSIMAH BINTI HAJI IBRAHIM**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2015**

**PENGARUH PENGUASAAN JAWI DAN  
KURIKULUMNYA TERHADAP PROSES  
PENGAJARAN JAWI DI SEKOLAH RENDAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**ROSIMAH BINTI HAJI IBRAHIM**



**UMS**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2015**


## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

10 Januari 2015

---

Rosimah Binte Haji Ibrahim  
PT20118300



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **ROSIMAH BINTE HAJI IBRAHIM**

NO PELAJAR : **PT20118300**

TAJUK : **PENGARUH PENGUASAAN JAWI DAN  
KURIKULUMNYA TERHADAP PROSES PENGAJARAN  
JAWI DI SEKOLAH RENDAH NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

IJAZAH : **SARJANA ( PENGURUSAN PENDIDIKAN )**

TARIKH VIVA : **14hb Ogos 2014**


**DISAHKAN OLEH;**

**1.**

**PENYELIA UTAMA**

Dr. Muhamad Suhaimi Bin Taat

Tandatangan



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Pengasih, Kepada Allah Ku Curahkan Sanjungan Ku, Kepada Rasul Ku Nyanyikan Selawat Ku

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad SAW dan seluruh keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat Allah SWT yang telah membekalkan saya dengan kesihatan, kekuatan, dan semangat untuk belajar, dan seterusnya menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya hanya dengan izin Allah yang Maha Esa maka akhirnya dapatlah tesis ini disiapkan setelah melalui pelbagai proses dan perjalanan yang penuh dengan suka dan duka.

Berkat kesabaran dan dedikasi akhirnya tesis ini dapat disempurnakan oleh penyelidik. Kejayaan dan kesempurnaan penyelidikan ini hasil daripada kerjasama, bimbingan dan tunjuk ajar daripada pelbagai pihak. Pertama sekali, jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan ingin dirakamkan kepada penyelia, Dr Muhammad Suhaimi Bin Taat atas segala didikan, bimbingan dan tunjuk ajar tanpa mengira masa, tempat dan tenaga. Kata-kata nasihat beliau menjadi azimat kepada penyelidik. Bimbingan dan tunjuk ajar profesional daripada beliau telah menjana semangat, minda dan idea penyelidik sehingga kepada noktah terakhir penulisan dalam proses menyempurnakan penyelidikan dan nilainya tidak dapat diucapkan dengan kata-kata.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Prof Madya Dr Md Yusof (KUPUSB), Dr Zelzy Shahar Al-Johary (UBD), Dr Adanan Hj Basar (UBD), Cikgu Haji Daud bin Taha (UBD), di atas kesudian menyemak soal selidik bagi tujuan keesahan kandungan. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Encik Ismail Ladama (UMS) atas kesudian membantu pemprosesan data *SPSS for windows* Versi 20. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada guru besar sekolah-sekolah rendah seluruh negara Brunei Darussalam dan semua responden terpilih kerana memberi kerjasama dalam menjayakan penyelidikan ini. Tidak lupa kepada keluarga tersayang terutama insan tersayang dan dikasihi iaitu suami Dr Zelzy Shahar Al-Johary dan anak-anak yang sentiasa memberikan sokongan dari mula pengajian hingga ke noktah terakhir penulisan dalam program pengajian Master ini.

Akhir sekali dan untuk selama-lamanya, ucapan kesyukuran kepada ALLAH SWT atas limpahan rahmatNYA yang tiada terhingga. "Tiada Kejayaan Tanpa Pengorbanan".

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh penguasaan Jawi dan kurikulumnya terhadap proses pengajaran Jawi di sekolah rendah Negara Brunei Darussalam. Teori Mauritz Johnson, 1967 yang dipilih oleh pengkaji sebagai teori yang utama dalam kajian ini kerana ia menunjukkan ada persamaan pada kurikulum yang dilaksanakan pada pelajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah di Negara Brunei Darussalam. Kaedah kajian tinjauan ini melibatkan sampel 150 orang guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu khususnya pelajaran Jawi. Sampel dipilih menerusi pensampelan rawak mudah, strata dan berkelompok. Reka bentuk yang digunakan ialah kajian kuantitatif bukan eksperimen (*non-experimental quantitative research*). Dalam kajian ini dua instrumen utama digunakan iaitu satu set ujian tulisan Jawi dan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat demografi, penguasaan kurikulum dan proses terhadap pengajaran guru. Manakala ujian tulisan Jawi diberikan bagi menguji penguasaan Jawi guru. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS for windows* Versi 15.0. Analisis univariat (*ANOVA*) dan pelbagai variat (korelasi *Pearson* dan analisis regresi berganda) digunakan bagi menguji hipotesis kajian pada aras signifikan  $p < .05$ . Keputusan ujian menunjukkan terdapatnya perbezaan skor min yang signifikan bagi variabel-variabel kajian penguasaan Jawi guru dan penguasaan kurikulumnya terhadap proses pengajaran mata pelajaran Jawi berdasarkan ciri demografi yang telah diberi tumpuan. Dapatan keputusan kajian ujian korelasi *Pearson* ( $r$ ) menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara variabel-variabel yang terlibat. Analisis regresi berganda menunjukkan terdapat pengaruh variabel-variabel bebas terhadap variabel bersandar yang difokuskan. Analisis mendapati bahawa pemboleh ubah penguasaan kurikulum Jawi menerangkan 32.9% varians pemboleh ubah proses pengajaran dengan peningkatan satu unit pemboleh ubah penguasaan kurikulum akan menyebabkan peningkatan .614 unit pemboleh ubah proses pengajaran. Manakala, pemboleh ubah penguasaan Jawi guru hanya menerangkan 5.2% varians pemboleh ubah proses pengajaran dengan peningkatan satu unit pemboleh ubah proses pengajaran akan menyebabkan pengurangan .081 unit pemboleh ubah proses pengajaran. Justeru itu, pelbagai perbezaan ciri demografi tidak harus dipinggirkan di samping turut melihat kepentingan penguasaan Jawi guru dan penguasaan kurikulumnya sebagai faktor-faktor yang mampu menyumbang pengaruh ke arah proses pengajaran mata pelajaran Jawi di sekolah rendah di Negara Brunei Darussalam. Secara khusus, dapatan kajian ini turut menyokong kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam kajian ini.

## **ABSTRACT**

### ***INFLUENCE OF MASTERING JAWI AND IT CURRICULUM TOWARDS JAWI TEACHING PROCESSES IN SCHOOLS IN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM***

*This study aims to identify the influence of teacher's Jawi proficiency and the curriculum towards their teaching process in primary schools in Negara Brunei Darussalam. Theory Mauritz Johnson, 1967 was chosen as the main curriculum theory in this study as it demonstrated some similarities in the education curriculum implemented in Jawi in primary schools in Brunei Darussalam. This study involved a sample survey of 150 teachers who teach the Malay language. Samples were selected through simple random sampling, strata and groups. The method used is non quantitative experiments that focus on the questionnaire and Jawi proficiency test. The questionnaire is divided into three parts, namely demographic, mastery of curriculum and the process of teaching. The data were analyzed using SPSS for Windows Version 15.0. Univariate analysis (ANOVA) and multivariate (Pearson correlation and multiple regression analysis) was used to test the research hypothesis at significance level  $p < .05$ . The test results showed that there were significant differences in mean scores in the control and mastery of curriculum Jawi teacher of teachers teaching subjects based on demographic characteristics of autobiographical given focus. The findings of the results of the Pearson correlation test ( $r$ ) showed a significant positive relationship between the variables involved. The regression test showed the influence of independent variables on the dependent variable focused. Through these equations it can be concluded that the control variables explain 32.9 percent of Jawi curriculum percent of the variance with the teaching process variables increase of curriculum mastery variable unit will cause an increase .614 unit teaching process variables. Meanwhile, the control variables Jawi teacher only 5.2 percent of the variance explained teaching process variables with a unit increase in the teaching process variables will cause a reduction in the teaching process variable units .081. Therefore various demographic differences should not be ignored. Jawi proficiency among teachers and the teacher curriculum proficiency should not be seen as factors that can be contribute to the Jawi teaching process at primary schools in Negara Brunei Darussalam. In particular, the findings of this study also support the conceptual framework used in this study.*

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN / SIMBOL</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.5.1 Objektif Khusus	9
1.6 Soalan Kajian	10
1.7 Hipotesis Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Batasan Kajian	13
1.10 Definisi Operasional	14
1.10.1 Penguasaan Jawi Guru	14
1.10.2 Penguasaan Kurikulum	15
1.10.3 Proses Pengajaran Jawi	16
1.11 Rumusan	17



<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	18
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Latar Belakang Perguruan Di Negara Brunei Darussalam	18
2.3 Latar Belakang Perkembangan Jawi di Brunei	21
2.4 Persamaan Teori Konstruktivisme (Jerome Bruner) dengan Kajian	23
2.5 Teori Kurikulum	25
2.5.1 Teori Babbit	25
2.5.2 Teori Hollis Castwell (1974)	26
2.5.3 Teori Hilda Taba (1992)	26
2.5.4 Teori John D.Niel (1980)	26
2.5.5 Teori Mauritz Johnson ( 1967)	27
2.6 Kajian Berkaitan Pelajaran Jawi	32
2.6.1 Penguasaan Jawi Guru	34
2.6.2 Penguasaan Kurikulum	43
2.6.3 Proses Pengajaran Jawi	48
2.7 Rumusan	53
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	54
3.1 Pendahuluan	54
3.2 Reka Bentuk Kajian	54
3.3 Populasi Kajian	56
3.3.1 Peringkat Novis ( 1-3 Tahun)	57
3.3.2 Peringkat Novis Lanjutan ( 4- 10 Tahun )	57
3.3.3 Peringkat Kompeten/Cekap (11- 15 Tahun)	58
3.3.4 Peringkat Mahir (16 – 20 Tahun )	58
3.3.5 Peringkat Pakar (21 Tahun ke atas )	59
3.4 Sampel Kajian	59
3.5 Instrumen Kajian	62
3.5.1 Ujian Bertulis	63
3.5.2 Soal Selidik	63
3.6 Pengurusan Soal Selidik	64
3.7 Kajian Rintis	65

3.8	Analisis Data	68
3.8.1	Ujian Anova Sehalu	69
3.8.2	Analisis Korelasi Pearson	69
3.8.3	Aras Signifikan	70
3.8.4	Interpretasi Bacaan Min	70
3.8.5	Ujian Regresi Berganda	71
3.9	Kerangka Konseptual Kajian	72
3.10	Rumusan	72
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>		74
4.1	Pendahuluan	74
4.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	74
4.3	Demografi Responden	75
4.3.1	Taburan Tahap/Tingkat Darjah yang Diajar	76
4.3.2	Taburan Tahap Kelulusan Akademik	76
4.3.3	Taburan Sumber Pengetahuan Asas Pelajaran Jawi	77
4.3.4	Taburan Pengalaman Mengajar Pelajaran Jawi di sekolah rendah	78
4.4	Dapatan Kajian Secara Deskriptif	78
4.4.1	Penguasaan Jawi Guru	79
4.4.2	Penguasaan Kurikulum dalam Kalangan Guru Pengajaran Jawi	79
4.4.3	Proses Pengajaran Jawi	82
4.4.4	Perbezaan Penguasaan Jawi berdasarkan Ciri Demografi	86
4.4.5	Perbezaan Penguasaan Kurikulum berdasarkan Ciri Demografi	91
4.4.6	Perbezaan Proses Pengajaran berdasarkan Ciri Demografi	96
4.4.7	Hubungan antara Penguasaan Jawi dan Penguasaan Kurikulum dengan Proses Pengajaran Jawi	100
4.4.8	Pengaruh Penguasaan Jawi dan Penguasaan Kurikulum terhadap Proses Pengajaran Jawi	101
4.5	Rumusan	103

<b>BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	105	
5.1	Pendahuluan	105
5.2	Perbezaan Skor Min Variabel Penguasaan Jawi di Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam berdasarkan Ciri Demografi	105
5.2.1	Perbezaan Penguasaan Jawi Guru Berdasarkan Tingkat Darjah yang Diajar di Sekolah Rendah	105
5.2.2	Perbezaan Penguasaan Jawi Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik	108
5.2.3	Perbezaan Pengaruh Penguasaan Jawi Berdasarkan Pengetahuan Asas Pengajaran Jawi	110
5.2.4	Perbezaan Penguasaan Jawi Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Pelajaran Jawi	111
5.3	Perbezaan Skor Min Variabel Penguasaan Kurikulum Guru di Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam	114
5.3.1	Perbezaan Penguasaan Kurikulum Berdasarkan Tingkat Darjah yang Diajar di Sekolah Rendah	114
5.3.2	Perbezaan Penguasaan Kurikulum Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik	115
5.3.3	Perbezaan Penguasaan Kurikulum Berdasarkan Pengetahuan Asas Pelajaran Jawi Diperolehi	116
5.3.4	Perbezaan Penguasaan Kurikulum Berdasarkan Tempoh Mengajar Pelajaran Jawi di Sekolah Rendah	117
5.4	Perbezaan Proses Pengajaran Jawi Guru di Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam Berdasarkan Ciri Demografi	118
5.4.1	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Tingkat Darjah yang Diajar di Sekolah Rendah	118
5.4.2	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik	120
5.4.3	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Sumber Pengetahuan Asas Pengajaran Jawi	121
5.4.4	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Tempoh Mengajar Jawi di Sekolah Rendah	122
5.5	Hubungan Antara Penguasaan Jawi dan Penguasaan Kurikulum	123

	dengan Proses Pengajaran	
5.6	Pengaruh Penguasaan Jawi dan Penguasaan Kurikulum Terhadap Proses Pengajaran Jawi	127
5.7	Implikasi Kajian	129
5.7.1	Implikasi Terhadap Kerangka Konseptual Kajian	130
5.7.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	132
5.7.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	133
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	134
5.9	Rumusan	137

<b>RUJUKAN</b>		138
----------------	--	-----

<b>LAMPIRAN</b>		143
-----------------	--	-----

Soal Selidik Untuk Guru

Kertas Ujian Bertulis

Senarai Panel

Surat Pengesahan

Analisis SPSS



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 2.1 :	Laporan Jabatan Pelajaran 2011, Negara Brunei Darussalam	18
Jadual 2.2 :	Perangkaan Pendidikan 2005, 2006 dan 2007 Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam	19
Jadual 2.3 :	Bidang Pengkajian Jawi dari Barat	33
Jadual 3.1 :	Analisis Faktor dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	69
Jadual 3.2 :	Petunjuk Kekuatan Kolerasi	71
Jadual 3.3 :	Interpretasi Skor Min Penguasaan Kurikulum dan Proses Pengajaran Jawi	72
Jadual 4.1 :	Kebolehpercayaan Variabel	76
Jadual 4.2 :	Tahap/Tingkat Darjah yang Diajar	77
Jadual 4.3 :	Tahap Kelulusan Akademik	78
Jadual 4.4 :	Sumber Pengetahuan Asas Pelajaran Jawi	78
Jadual 4.5 :	Pengalaman Mengajar Pelajaran Jawi di Sekolah Rendah	79
Jadual 4.6 :	Keputusan Skor Min Bagi Setiap Variabel Kajian	79
Jadual 4.7 :	Tahap Penguasaan Jawi	80
Jadual 4.8 :	Penguasaan Kurikulum Dalam Kalangan Guru Pelajaran Jawi	82
Jadual 4.9 :	Proses Pengajaran Jawi	85
Jadual 4.10:	Perbezaan Penguasaan Jawi Guru Berdasarkan Tingkat Darjah Yang diajar di Sekolah Rendah	87
Jadual 4.11a:	Perbezaan Penguasaan Jawi Guru Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik	88
Jadual 4.11b:	Analisis Post Hoc Perbezaan Penguasaan Jawi Guru Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik	89
Jadual 4.12a:	Perbezaan Penguasaan Jawi Guru Berdasarkan Sumber Pengetahuan Asas Pengajaran Jawi	89
Jadual 4.12b:	Analisi Post Hoc Perbezaan Penguasaan Jawi Guru Berdasarkan Sumber Pengetahuan Asas Pengajaran Jawi	90
Jadual 4.13:	Perbezaan Penguasaan Jawi Guru Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Jawi di Sekolah Rendah	91
Jadual 4.14:	Perbezaan Penguasaan Kurikulum Guru Berdasarkan Tingkat Darjah Yang Diajar Di Sekolah Rendah	92
Jadual 4.15a:	Perbezaan Penguasaan Kurikulum Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik	93
Jadual 4.15b:	Analisis Post Hoc Perbezaan Penguasaan Kurikulum	94

Jadual 4.16:	Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik Perbezaan Penguasaan Kurikulum Guru Berdasarkan Sumber Pengetahuan Asas Pengajaran Jawi	94
Jadual 4.17:	Analisis Post Hoc Perbezaan Penguasaan Kurikulum Guru Berdasarkan Sumber Pengetahuan Asas Pengajaran Jawi	95
Jadual 4.18a:	Perbezaan Penguasaan Kurikulum Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Jawi di Sekolah Rendah	96
Jadual 4.18b :	Analisis Post Hoc Perbezaan Penguasaan Kurikulum Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Jawi di Sekolah Rendah	97
Jadual 4.19:	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Tingkat Darjah Yang Diajar di Sekolah Rendah	97
Jadual 4.20:	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Tahap Kelulusan Akademik	98
Jadual 4.21:	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Sumber Pengetahuan Asas Pengajaran Jawi	99
Jadual 4.22a:	Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Jawi di Sekolah Rendah	100
Jadual 4.22b:	Analisis Post Hoc Perbezaan Proses Pengajaran Berdasarkan Tempoh Pengalaman Mengajar Jawi di Sekolah Rendah	101
Jadual 4.23:	Hubungan antara Penguasaan Jawi dan Penguasaan Kurikulum dengan Proses Pengajaran	102
Jadual 4.24:	Pengaruh Penguasaan Jawi dan Penguasaan Kurikulum Terhadap Proses Pengajaran Jawi	103

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1: Kerangka Konseptual Kajian	73



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

<b>KDYMM</b>	-	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
<b>PSR</b>	-	Penilaian Sekolah Rendah
<b>PCE</b>	-	Primary Certificate Education
<b>NBD</b>	-	Negara Brunei Darussalam
<b>SRNBD</b>	-	Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam
<b>SPN21</b>	-	Sistem Pendidikan Negara 21
<b>BM</b>	-	Bahasa Melayu
<b>PEJYD</b>	-	Peraturan Ejaan Jawi Yang Disempurnakan
<b>MPSI</b>	-	Maktab Perguruan Sultan Idris
<b>UPSI</b>	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
<b>MPK</b>	-	Maktab Perguruan Kent
<b>MPKL</b>	-	Maktab Perguruan Batu Lintang
<b>MPKB</b>	-	Maktab Perguruan Kota Baharu
<b>IPSHB</b>	-	Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah
<b>UBD</b>	-	Universiti Brunei Darussalam
<b>SEJZ</b>	-	Sistem Ejaan Jawi Za'ba
<b>IPTA</b>	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
<b>S</b>	-	Saiz Sampel
<b>N</b>	-	Saiz Populasi
<b>P</b>	-	Nisbah Populasi
<b>d</b>	-	Darjah Ketepatan
<b>x</b>	-	Nilai kai kuasa dua untuk 1 darjah kebebasan
<b>df</b>	-	darjah kebebasan
<b>&gt;</b>	-	kurang daripada
<b>&lt;</b>	-	lebih daripada
<b>=</b>	-	sama juga
<b>%</b>	-	peratus



## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran A : Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- Lampiran B : Borang Soal Selidik Untuk Guru
- Lampiran C : Kertas Ujian Penguasaan Jawi
- Lampiran D : Senarai Panel Pengesahan Instrumen Kajian
- Lampiran E : Analisis Data Kajian Sebenar



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Kedatangan Islam ke Nusantara telah mengubah dan mewarnai sistem peradaban Melayu dengan nilai-nilai berteraskan ajaran Islam yang sebenar. Unsur-unsur ajaran dan pengamalan budaya Hindu-Buddha mula terhakis sedikit demi sedikit seterusnya memberi ruang kepada agama Islam untuk membentuk jati diri bangsa Melayu. Islam telah membawa semangat nasionalisme dan intelektualisme dalam kalangan masyarakat Melayu malah ia memberi pengaruh kepada kebudayaan Melayu iaitu bahasa dan tulisannya.

Masyarakat Melayu mula mengenali tulisan sebelum kedatangan Islam berikutan penemuan beberapa batu bersurat pada zaman Sriwijaya seperti Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M), Kota Kapur (686 M) dan Talang Tuwo (684 M) (Muhammad Bukhari Lubis et al., 2006). Penggunaan Bahasa Melayu kuno dan aksara-aksara Kawi dan Pallava pada ketiga-tiga batu bersurat ini jelas menunjukkan wujudnya tradisi penulisan pada zaman Sriwijaya dan pra-Islam bagi menjalankan urusan pentadbiran negara dan hubungan diplomatik. Walau bagaimanapun, tradisi penulisan ini hanya berkembang dalam kalangan para rahib Hindu dan jurutulis istana sahaja serta terhad kepada rakyat jelata (Muhammad Bukhari Lubis et al., 2006).

Abad ke-14 Masihi yang merupakan zaman peralihan telah mula menampakkan fungsi bahasa Melayu iaitu dengan menebalnya pengaruh Arab dan menipisnya pengaruh India (Harun Jaafar, 2004). Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 Masihi bersamaan 702 Hijrah yang ditulis sepenuhnya di dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Arab. Oleh itu, bermulalah perkembangan bahasa Melayu dengan meminjam huruf-huruf Arab dan dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sama ada dikekalkan sebutan dan

ejaannya mahupun diserapkan dan disesuaikan lafaz serta ejaannya dengan lidah sebutan Melayu. Contohnya kata-kata yang dikekalkan ialah *Allah, malaikat, nabi, rasul, kitab* dan sebagainya (Amat Juhari Moain, 1996). Rentetan daripada itu maka lahirlah satu tulisan yang disebut sebagai tulisan Jawi.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Negara yang sedang membangun mempunyai bilangan bijak pandai yang terhad berbanding dengan negara maju. Pada dasarnya, negara sedang membangun mempunyai sebilangan besar ahli bijak pandai dalam kalangan guru atau pendidik. Oleh kerana itu, peranan dan tugas guru menjadi begitu besar dan penting kerana masyarakat sepenuhnya menaruh harapan tinggi untuk mendapat pimpinan, panduan dan buah fikiran terutama sekali dalam segala bidang sama ada aspek sosial maupun juga ugama terutama sekali pengajaran Jawi (Zelzy, 2012). Dalam kata lain, penguasaan guru dalam pelajaran Jawi dilihat begitu penting sekali dalam membentuk perkembangan dan kebolehan pelajar-pelajar menguasai tulisan Jawi yang dilihat semakin tidak diberikan perhatian dan dipinggirkan. Di sinilah Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Kurikulum memainkan peranannya di dalam menguatkuasakan kepentingan pelajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah, asas yang amat penting sebelum pelajar-pelajar melangkah ke peringkat persekolahan yang lebih tinggi lagi. Bak kata pepatah umpama tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas begitulah umpama pelajaran Jawi itu. Seajar dan seiring dengan titah KDYMM yang mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara '*Zikir*'. Dengan pengisytiharan tersebut diharap pelajaran Jawi akan terus hidup dan subur di bumi Negara Brunei Darussalam.

Sekolah merupakan salah satu institusi pendidikan formal di mana pelajar akan belajar, diajar, dididik dan diasuh dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang secukupnya tidak terkecuali pelajaran Jawi (Suhaimi, 2011). Pelajaran Jawi mula diajarkan secara formal sejak bermulanya sekolah Melayu di negara ini dalam tahun 1914 dengan tenaga pengajar yang didatangkan dari luar negeri. Kemudian pelajaran Jawi ini terhenti seketika sekitar tahun 1966 disebabkan oleh penggunaan tulisan Rumi yang lebih mendapat tempat di dalam pendidikan. Atas kesedaran terhadap kepentingan pelajaran Jawi, tulisan ini telah diwujudkan semula pada

tahun 1980. Pada tahun 1989, pelajaran Jawi dijadikan sebagai satu komponen bahasa Melayu dan dimasukkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Pelajaran Jawi ini diajarkan di sekolah-sekolah rendah mulai Tahun satu penggal ketiga pada tahun itu juga. Berdasarkan memo Bil.JPK/KR/PJ14 (5) yang bertarikh 21 Oktober 1989, pelajaran Jawi diajarkan mulai Tahun satu, penggal pertama dengan peruntukan waktu dua kali seminggu, iaitu daripada 10 waktu seminggu bagi pelajaran Bahasa Melayu.

Bagi memperkukuhkan lagi penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar di peringkat rendah mulai tahun 1991, pelajaran Jawi telah dimasukkan ke dalam kertas soalan peperiksaan Bahasa Melayu, iaitu dalam ujian penyelarasan bagi Darjah III dengan peruntukan markah sebanyak 10%. Kemudian pada tahun 1994, pelajaran Jawi telah dimasukkan ke dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu bagi calon yang menduduki peperiksaan Sijil Persekolahan Rendah (*Primary Certificate of Education*) atau PCE (sekarang dikenali sebagai Penilaian Sekolah Rendah atau PSR) dengan peruntukan markah sebanyak 15%. Namun demikian mulai tahun 1997, soalan bahagian Pelajaran Jawi yang terkandung dalam kertas peperiksaan PSR hanya dijadikan sebagai soalan pilihan (optional) sahaja, iaitu pelajar boleh menjawab soalan bahagian Pelajaran Jawi atau sebaliknya.

Bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengenai kepentingan tulisan Jawi, maka beberapa langkah positif telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Antaranya ialah dengan memberikan kursus kemahiran Jawi kepada guru-guru di seluruh negara. Kursus ini telah dilaksanakan pada awal tahun 1992 dengan hasrat menjelang 31 Disember 1992 semua guru di NBD mempunyai pengetahuan tentang tulisan dan sistem ejaan Jawi baru.

Selanjutnya, Kementerian Pendidikan NBD melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum juga telah berusaha dan sentiasa memantau tentang pelaksanaan pelajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini. Langkah-langkah ke arah meningkatkan tahap kemahiran Jawi dalam kalangan pelajar sentiasa diberi perhatian seperti penyediaan sukatan pelajaran, buku-buku teks,

buku-buku kerja bertulis dan seterusnya memberi bimbingan yang berupa kursus dan bengkel-bengkel singkat kepada guru-guru yang terlibat.

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2000), Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Menengah Bawah Negara Brunei Darussalam (1994) dan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Menengah Bawah Level II (1997) telah jelas menyatakan bahawa pengajaran bahasa Melayu dibahagikan kepada lima komponen, iaitu pengetahuan bahasa, kemahiran lisan, kemahiran membaca dan memahami kemahiran menulis dan pelajaran Jawi. Dalam sukatan Pelajaran Jawi pula digariskan bahawa pada peringkat rendah bawah (Darjah I – III), pelajaran Jawi diajarkan kepada peringkat asas iaitu mengenal huruf-huruf Jawi, membawa dan seterusnya mengeja perkataan-perkataan mudah. Pada peringkat ini pelajar-pelajar juga diajarkan menulis secara mekanis tentang bentuk-bentuk huruf Jawi. Di peringkat rendah atas pula kandungan pelajaran Jawi dipertingkatkan lagi ke aras yang lebih tinggi. Pelajar-pelajar diajarkan membaca, memahami dan seterusnya menjawab soalan kefahaman daripada teks Jawi yang diberikan. Sementara dalam kemahiran menulis pula, pelajar-pelajar mula diperkenalkan cara-cara menyambung huruf Jawi yang lebih kompleks. Untuk kemahiran pelajaran Jawi, pelajar-pelajar diberikan pelbagai latihan serta aktiviti-aktiviti permainan bahasa yang berkaitan dengan pelajaran Jawi seperti teka silang kata, menyambung huruf-huruf menjadi perkataan, perkataan tersembunyi dan sebagainya.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam disalurkan dengan pelbagai cara termasuklah menggunakan buku-buku teks yang ditulis dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi ialah hasil daripada pengubahsuaian dan penambahan huruf-huruf Arab untuk disesuaikan dengan lidah orang Melayu bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Sebagai contoh, huruf Ga (ض) diperkenalkan dengan berasaskan bunyi huruf Kaf (ك) dan Jim (ج) serta Cha (چ) berasaskan bunyi huruf Ta (ت) dan Jim (ج) (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1990). Oleh itu, tulisan Jawi merupakan medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pada hari ini terutama dalam

pembelajaran al-Qur'an (Kang Kyoung Seouk, 1990). Matlamat pelajaran Jawi adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran menulis dan membaca Jawi bagi membolehkan pelajar memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam.

Apapun cara atau strategi pengajaran yang diaplikasikan oleh para guru dalam pembelajaran Jawi sama ada di peringkat sekolah kerajaan mahupun swasta adalah diharapkan supaya dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Jawi dengan lebih baik dan berkesan. Walaupun pelajaran Jawi telah diajarkan mulai Tahun Satu sejak tahun 1989, namun pada masa ini masih ramai dalam kalangan generasi muda kita, amat berkurangan bilangannya yang boleh membaca Jawi. Memang tidak dinafikan ada yang boleh membaca tapi bacaan mereka masih di tahap 'pach-pach' biji atau tidak fasih (Yahya, 2006). Tahap bacaan mereka masih dikategorikan lemah, bacaan tidak lancar dan tersekat-sekat. Permasalahan sedemikian juga berlaku dalam Sistem Pendidikan Negara di Brunei Darussalam terutama di peringkat sekolah rendah. Adakalanya pelajar terpaksa membaca huruf demi huruf bagi membunyikan sesuatu perkataan. Apabila disuruh untuk menulis ejaan dari rumi ke Jawi, maka di sini akan berlaku kesulitan dan kekeliruan terutama kepada mereka yang mempunyai latar belakang pelajaran Jawi yang agak lemah. Hal ini menjadi satu senario yang lazim berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah. Tambah menyedihkan lagi apabila ada sebahagian guru yang mengajar bahasa Melayu tidak tahu langsung menulis dan membaca Jawi. Justeru itu, perkara ini sepatutnya diambil serius kerana kemahiran menulis dan membaca Jawi seharusnya dikuasai oleh para guru terlebih dahulu. Jika tidak, bagaimana mereka akan menyampaikan pengajaran kepada para pelajar dengan sempurna.

Berdasarkan kajian dan laporan yang dijalankan oleh Awang Mohamad Amin (1989), menyatakan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis dan membaca Jawi adalah di tahap lemah. Kajian daripada Mustapha Yazid (1991) mendapati, 95 peratus pelajar mempunyai sikap negatif terhadap tulisan Jawi seperti susah dipelajari, tidak penting dan tidak dinilai terhadap mata pelajaran Jawi (Sulaiman Ngah Ghazali, 1990; Azman Wan Chik, 1986). Pelajar-pelajar yang tidak dapat

menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi akan semakin ketinggalan dalam mata pelajaran Jawi apabila alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi (Muhammad Endut, 1992). Oleh itu, Ishak Haron dan Hassan Basri (1994) berpendapat, kelemahan pelajar-pelajar sekolah menengah dalam menguasai kemahiran Jawi mempunyai kaitan langsung dengan keupayaan mereka pada peringkat sekolah rendah.

Ketidakhadiran dalam pelajaran Jawi dalam kalangan pelajar-pelajar adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor psikologi, faktor persekitaran, faktor pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan dan sebagainya. Namun begitu, daripada beberapa faktor yang dinyatakan di atas faktor yang dirasakan agak ketara ialah faktor yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Secara umum dapatlah dinyatakan bahawa sebahagian guru bahasa tidak mengajarkan pelajaran Jawi dengan kaedah yang betul. Misalnya tidak ramai dalam kalangan guru yang menerangkan tentang aspek peraturan atau hukum-hukum Jawi secara terperinci, melainkan hanya mengajar secara rutin pada setiap pengajaran dengan menulis ejaan rumi ke Jawi atau sebaliknya berpandukan buku teks, menyalin rencana dan menulis tulisan Jawi. Ada pula dalam kalangan guru yang sering menggantikan pelajaran Jawi dengan mata pelajaran yang lain dengan alasan, Jawi itu tidak penting. Tambahan lagi, ia sudah diajarkan pada sekolah agama sebelah petang. Tidak kurang juga ada yang beralasan tidak tahu mengajar Jawi kerana tidak memiliki pengetahuan asas tentang pelajaran Jawi terutama kepada mereka yang bukan beragama Islam. Justeru itu, mereka merasakan pelajaran Jawi itu diajarkan dengan rasa terpaksa dan tidak berminat untuk mengajarkannya.

Seterusnya faktor penguasaan kurikulum guru juga merupakan antara masalah yang sering dihadapi dalam kalangan para guru yang mengajar pelajaran Jawi. Para guru kurang arif dalam melaksanakan objektif kurikulum yang disediakan oleh pihak Jabatan Kurikulum. Dalam erti kata sebenar, mereka tidak menghayati dengan sepenuhnya falsafah dan kepentingan Jawi itu untuk diajarkan kepada pelajar-pelajar. Masalah sukatan pelajaran yang terlalu padat dan terpaksa dihabiskan sebelum menjelang peperiksaan menyebabkan pengajaran guru hanya

untuk peperiksaan kognitif semata-mata tanpa mengambil kira sudut afektif dan psikomotor pelajar-pelajar. Walaupun demikian tidak dinafikan ada sebilangan guru yang berusaha untuk mengajar dengan sebaik mungkin dan menguasai sistem peraturan Jawi yang terkini.

Selain dari faktor guru, penggunaan buku teks Jawi juga sering menjadi masalah kepada para guru. Buku teks adalah merupakan bahan rujukan dalam menyampaikan kandungan isi pelajaran dan menjadi bahan rujukan dan bacaan pelajar dan orang awam. Buku-buku teks Jawi ini dirancang, disusun dan diterbitkan sendiri oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan. Perkara yang sering ditimbulkan mengenai penggunaan buku teks Jawi yang lama ialah teks yang digunakan dalam buku Bacaan Jawi Dewan agak panjang dan sukar untuk difahami oleh pelajar-pelajar. Justeru itu para guru lebih suka menggunakan teks dan latihan kefahaman Jawi yang ada pada buku teks Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam (SRNBD) kerana lebih mudah dan teksnya juga pendek. Apabila selesai pada buku teks SRNBD tersebut barulah mereka menggunakan buku Bacaan Jawi Dewan. Ini bermakna buku Bacaan Jawi Dewan itu tidak digunakan sepenuhnya bagi pembelajaran Jawi sepanjang tahun. Pada tahun ini, buku teks Jawi yang baru telah pun dikeluarkan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang disesuaikan berdasarkan Sistem Pendidikan Negara 21 (SPN21). Walau bagaimanapun, masih juga terdapat masalah-masalah yang timbul seperti isi kandungan teks yang digunakan nampak masih di tahap agak tinggi dan sukar bagi para pelajar untuk memahaminya.

Peruntukan waktu atau masa pembelajaran Jawi yang agak terhad juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kurangnya penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar-pelajar. Menurut memo bil.KPE/S111/93 yang bertarikh 25 Oktober, 2005 menggariskan peruntukan masa satu jam (60 minit) atau dua waktu (*period*) seminggu daripada 10 waktu (*period*) dalam mata pelajaran BM. Menurut Laporan Lanjutan Kajian Kemahiran Jawi bagi guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan tahun 1993 menyatakan bahawa masa yang diperuntukan juga tidak mencukupi kerana pelajaran berkenaan hanya merupakan sebahagian mata pelajaran BM. Ketidacukupan masa pengajaran ini setentunya